

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan
PTAR Shah Alam - muka 6



Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU
PTAR Shah Alam - muka 10



Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022
PTAR Alor Gajah - muka 15



LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England
PTAR Segamat - muka 22



LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR



PERTANDINGAN eSPORT DAN ESCAPE THE LIBRARY MERIAHKAN PTAR UiTM CPP FUN DAY 2022 25-26 JANUARI 2022

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program PTAR Fun Day 2022 bermula pada 25 Januari hingga 26 Januari 2022. Program ini dijalankan bagi mengeratkan hubungan dengan warga kampus seterusnya mempromosi perkhidmatan perpustakaan. Terdapat dua aktiviti bermanfaat yang menarik dan menyeronokkan telah dilaksanakan iaitu pertandingan e-Sport dan pencarian maklumat versi atas talian iaitu Escape the Library.

Pertandingan eSport telah diadakan pada 25 Januari 2022 yang melibatkan peserta dalam kalangan pelajar dan kakitangan UiTM Cawangan Pulau Pinang seramai 34 orang. Permainan yang dipertandingkan ialah FIFA 2021 dan Tekken 7. Pertandingan ini diadakan di Aras Bawah, PTAR UiTM Kampus Permatang Pauh dan dijalankan secara liga.



Program diteruskan pada 26 Januari 2022 dengan pertandingan Escape the Library yang telah diadakan di Pusat IT PTAR UiTM CPP yang berada di Aras 2. Di dalam pertandingan secara maya ini, peserta perlu menjawab soalan-soalan yang meliputi tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan. Untuk mendapatkan jawapan, peserta perlu menggunakan OPAC, membuat pencarian bahan di atas talian dan melayari laman sesawang PTAR UiTM CPP.

Program ini dijalankan untuk menggalakkan warga kampus supaya mengunjungi perpustakaan dan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan. Di samping itu program ini diharap dapat mempromosikan perkhidmatan di perpustakaan selain menggalakkan warga kampus menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PTAR UiTM CPP.

